



Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia

**FAKTOR-FAKTOR PENYUMBANG REMAJA MELAYU, CINA DAN
INDIA TERLIBAT DENGAN PENYALAHGUNAAN DADAH**

Khairina Binti Badron

HV
5840
M34
K45
2009

Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian
(Kaunseling)
2009

P.KHIDMAT MAKLUMAT AKADEMIK
UNIMAS



1000203387

**FAKTOR - FAKTOR PENYUMBANG REMAJA MELAYU, CINA DAN
INDIA TERLIBAT DENGAN PENYALAHGUNAAN DADAH**

KHAIRINA BINTI BADRON

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian
(Kaunseling)

Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2009

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

Gred:

JUDUL : FAKTOR-FAKTOR PENYUMBANG REMAJA MELAYU, CINA DAN INDIA TERLIBAT DENGAN PENYALAHGUNAAN DADAH

SESI PENGAJIAN :2008/2009

Saya KHAIRINA BINTI BADRON


mengaku membenarkan tesis * ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sarawak.
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan.
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.

** sila tandakan (✓)

- SULIT (Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)
- TERHAD (Mengandungi maklumat Terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)
- TIDAK TERHAD

(KHAIRINA BINTI BADRON)


(PN. NORHASNIAH BINTI IBRAHIM)

Alamat Tetap:

76, Pt Wario, Sri Medan, 83400,

Batu Pahat, Johor

Tarikh : 8/5/2009

Tarikh: 5/6/09

Catatan:

* Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda

*Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak herkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai TERHAD.

Pengesahan Hasil Kerja Asal Pelajar

Pengesahan Pelajar


Saya mengakui bahawa Projek Tahun Akhir bertajuk

“Faktor-faktor penyumbang remaja Melayu, Cina dan India terlibat dengan penyalahgunaan dadah”
ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali
nukilan, petikan, huraihan dan ringkasan yang
tiap-tiap satunya telah saya nyatakan sumbernya.

Khairina Binti Badron
16438

Projek bertajuk ‘Faktor - faktor penyumbang remaja Melayu, Cina dan India terlibat dengan penyalahgunaan dadah’ telah disediakan oleh Khairina Binti Badron dan telah diserahkan kepada Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian Kaunseling.

Diterima untuk diperiksa oleh:



(Nor Hasniah Binti Ibrahim)

Tarikh:

5/6/09

Gred
A-

PENGHARGAAN

Alhamdullillah dengan rasa kesyukuran Projek Tahun Akhir (PTA) saya yang bertajuk “Faktor –faktor penyumbang remaja Melayu, Cina dan India terlibat dengan penyalahgunaan dadah” dapat saya siapkan dengan jayanya. Pertama sekali, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia projek yang saya sayangi, Puan Nor Hasniah Binti Ibrahim atas segala bimbingan, tunjuk ajar yang diberikan yang banyak membantu saya dalam menyiapkan projek tahun akhir ini. Tanpa tunjuk ajar yang diberikan beliau, tidak mungkin terhasilnya Projek Tahun Akhir (PTA) ini. Hanya ALLAH yang akan membalias segala jasa baik beliau.

Ribuan terima kasih juga ditujukan kepada Jabatan Kaunseling, Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia atas bantuan yang diberikan bagi menyiapkan kajian saya sepenuhnya.

Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada ayah yang tersayang iaitu Haji Badron bin Lokman dan ibu yang tercinta iaitu Hajah Napingah binti Nangin atas sokongan moral yang telah diberikan. Kasih sayang yang diberikan semenjak kecil tidak akan dilupakan sehingga ke akhir hayat. Terima kasih atas segalanya. Buat adik-beradikku yang tersayang yang tidak jemu-jemu memberikan semangat dan kekuatan untuk diri ini meneruskan perjuangan, terima kasih diucapkan.

Tidak dilupakan rakan-rakan seperjuangan, terima kasih kalian atas tunjuk ajar dan bimbingan yang diberikan selama ini. Segalanya tidak akan dilupakan kerana tanpa tunjuk ajar rakan-rakan, maka projek ini tidak akan dapat dihasilkan dengan jayanya. Segala bantuan, tunjuk ajar, sokongan moral dan jasa baik hanya ALLAH sahaja yang akan membalias. InsyaALLAH.

JADUAL KANDUNGAN

Muka surat

Penghargaan	iii
Jadual Kandungan	iv
Senarai Jadual	vii
Senarai rajah	viii
Abstrak	ix
Abstract	x

BAB 1 PENDAHULUAN

1.0	Pengenalan	1
1.1	Latar Belakang Kajian	2
1.2	Kenyataan Masalah	4
1.3	Objektif Kajian	6
1.4	Persoalan Kajian	6
1.5	Kepentingan Kajian	6
1.6	Definisi Istilah	8
1.7	Kesimpulan	10

BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.0	Pengenalan	11
2.1	Faktor-faktor penyumbang penglibatan remaja Melayu, Cina dan India dengan penyalahgunaan dadah	
2.1.1	Keluarga	12
2.1.2	Rakan sebaya	16
2.1.3	Persekitaran	
2.1.3.1	Persekitaran sekolah	18
2.1.3.2	Persekitaran jiran	20
2.1.4	Faktor diri sendiri	21
2.2	Pendekatan Teori	
2.2.1	Teori Psikososial	24
2.2.2	<i>Social Learning Theory</i>	25
2.2.3	Teori Psikoanalisis	26
2.2.4	Model Ekologikal	28
2.3	Kesimpulan	31

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pengenalan	32
3.1	Rekabentuk kajian	33

3.2	Populasi kajian	33
3.3	Lokasi kajian	34
3.4	Prosedur kajian	34
3.5	Kaedah pengumpulan data	
	3.5.1 Temubual secara mendalam	35
	3.5.1.1 Temubual separa struktur	35
	3.5.2 Penulisan Jurnal	35
	3.5.3 Data primer	36
	3.5.4 Data sekunder	36
3.6	Teknik Penganalisaan Data	
	3.6.1 Pembersihan data	36
	3.6.2 Memahami data	39
	3.6.3 Mengkategorikan data	39
3.7	Kesimpulan	40

BAB 4 HASIL DAPATAN KAJIAN

4.0	Pengenalan	41
4.1	Dapatan kajian	
	4.1.1 Latarbelakang peserta kajian	
	4.1.1.1 Peserta kajian pertama	42
	4.1.1.2 Peserta kajian kedua	42
	4.1.1.3 Peserta kajian ketiga	43
	4.1.1.4 Peserta kajian keempat	43
	4.1.1.5 Peserta kajian kelima	43
4.2	Analisis data	
	4.2.1 Faktor keluarga	
	4.2.1.1 Kurang perhatian ibu bapa	46
	4.2.1.2 Ibu bapa terlalu sibuk dengan kerja	49
	4.2.1.3 Ibu bapa bercerai	52
	4.2.1.4 Gaya keibubapaan	53
	4.2.1.5 Ahli keluarga terlibat dengan penyalahgunaan dadah	55
	4.2.2 Faktor rakan	
	4.2.2.1 Terpengaruh dengan daripada teman rapat yang turut menghisap dadah	57
	4.2.2.2 Masa banyak dihabiskan bersama rakan	60
	4.2.3 Faktor persekitaran jiran	
	4.2.3.1 Kawasan perumahan yang didiami oleh penagih dadah (Anak-anak jiran turut menagih dadah)	65
	4.2.4 Faktor diri sendiri	
	4.2.4.1 Ingin mencuba sesuatu yang baru	69
4.3	Kesimpulan	74

BAB 5 RUMUSAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN KAJIAN

5.0	Pengenalan	75
5.1	Rumusan keseluruhan penulisan kajian	76
5.2	Implikasi kajian	
	5.2.1 Implikasi kepada institusi keluarga	77
	5.2.2 Implikasi kepada masyarakat	77
	5.2.3 Implikasi kepada kaunselor	77
	5.2.4 Implikasi kepada kerajaan (Agenzia Anti Dadah Kebangsaan)	78
5.3	Limitasi	
	5.3.1 Bilangan peserta kajian	78
	5.3.2 Kaedah yang digunakan	79
5.4	Cadangan kepada pengkaji akan datang	
	5.4.1 Bilangan peserta kajian	79
	5.4.2 Mempelbagaikan etnik atau bangsa (peserta kajian)	79
	5.4.3 Menggunakan kaedah kuantitatif	80
5.5	Kesimpulan	80
	RUJUKAN	81
	LAMPIRAN	86

SENARAI JADUAL

Jadual 1.0

Jumlah penagih dadah yang dikesan mengikut etnik bagi Januari hingga Julai 2008	3
---	---

Jadual 2.0

Jenis dadah yang diambil oleh penagih dadah Melayu dan Cina	3
---	---

Jadual 3.0

Faktor penagih terlibat dengan penyalahgunaan dadah pada bulan Januari hingga Julai 2008	4
--	---

Jadual 4.0

Faktor-faktor penyumbang penglibatan remaja Melayu, Cina dan India dengan penyalahgunaan dadah mengikut keutamaan	72
---	----

Jadual 5.0

Jenis dadah yang diambil oleh peserta kajian	73
--	----

SENARAI RAJAH

Rajah 2.2.4

Model Perspektif Ekologikal bagi menunjukkan tingkah laku remaja dengan persekitaran

28

Rajah 4.2

Rajah menunjukkan hasil dapatan kajian iaitu faktor-faktor penyumbang remaja Melayu, Cina dan India terlibat dengan penyalahgunaan dadah

45

ABSTRAK

FAKTOR –FAKTOR PENYUMBANG REMAJA MELAYU,CINA DAN INDIA TERLIBAT DENGAN PENYALAHGUNAAN DADAH

Khairina Binti Badron

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor penyumbang remaja Melayu, Cina dan India terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Era globalisasi dalam arus modenisasi menjadikan Malaysia sebuah negara yang pesat membangun dari pelbagai aspek termasuklah pembangunan infrastruktur, teknologi dan pendidikan seiring dengan wawasan 2020. Kecanggihan teknologi di alam siber ini kadangkala menjadikan kita leka dengan masalah sosial yang semakin menular dalam masyarakat kita. Salah satunya adalah musuh nombor satu negara iaitu penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja. Kajian ini dilakukan secara kualitatif melalui temubual secara mendalam dan penulisan jurnal digunakan sepanjang kajian ini dijalankan terhadap lima orang peserta kajian yang terdiri daripada dua orang penagih Melayu, dua orang penagih Cina dan seorang penagih India. Kajian ini dijalankan di dua pusat serenti di Malaysia. Hasil dapatan kajian mendapat terdapat beberapa faktor penyumbang remaja Melayu, Cina dan India terlibat dengan penyalahgunaan dadah iaitu bagi peserta kajian Melayu 1 (PM1), faktor keluarga, faktor rakan sebaya, faktor persekitaran jiran dan faktor diri sendiri menyumbang kepada penglibatannya dengan penyalahgunaan dadah. Bagi peserta kajian Melayu 2 (PM2) pula, faktor keluarga, faktor rakan sebaya, dan faktor persekitaran jiran yang mendorongnya terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Bagi peserta kajian Cina 1 (PC1), faktor-faktor yang menyumbang beliau terjebak dengan penyalahgunaan dadah ialah keluarga, rakan sebaya dan persekitaran jiran. Manakala, bagi peserta Cina 2 (PC2), faktor keluarga, faktor rakan sebaya dan faktor diri sendiri merupakan faktor-faktor penyumbang kepada penglibatannya dengan penyalahgunaan dadah. Bagi peserta yang terakhir iaitu, peserta kajian India, terdapat tiga faktor iaitu faktor rakan sebaya, faktor persekitaran jiran, dan faktor diri sendiri yang mendorongnya terlibat dengan penyalahgunaan dadah.

ABSTRACT

FACTORS THAT CONTRIBUTES MALAY, CHINESE AND INDIAN ADOLESCENTS INVOLVED IN DRUG ABUSE

Khairina Binti Badron

This study aims to identify factors that contributes Malay, Chinese and Indian adolescents involved in drug abuse. As we know, currently, our country, Malaysia developing rapidly towards 2020 in terms of education, technology, infrastructure, and etc. The development of technology and information era makes Malaysian tend to ignore the social problem that become worse from day to day, and one of the social problem is drug abuse among adolescents. This qualitative research was conducted through two method which are in-depth interview and written diary or journal with five research participant which included two Malay drug addict, two Chinese drug addict and an Indian drug addict. This research was conducted in two rehabilitation center in Malaysia. Based on the findings showed that there were factors that contributes Malay, Chinese and Indian adolescent's involved in drug abuse. For the Malay research participant 1, factors that contributed him involved in drug abuse were family, peers,neighbour's environment and himself. For the Malay research participant 2, family, peers,neighbour's environment were the factors that contributed him involved in drug abuse. For the Chinese research participant 1, factors that contributes him involved in drug were family, peers,neighbour's environment, while for the Chinese research participant 2,researcher founded that family, peers and himself were the factors that contribute him involved in drug abuse. For the last research participant who are Indian research participant, the factors that contribute him involved in drug abuse were peers, neighbour's environment, and himself.

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pengenalan

Bab ini mengandungi lapan bahagian. Bahagian pertama menerangkan latar belakang kajian manakala bahagian kedua menerangkan kenyataan masalah kajian. Dalam bahagian ketiga pengkaji membincangkan objektif kajian manakala dalam bahagian keempat pula pengkaji menerangkan persoalan kajian serta bahagian seterusnya pengkaji mengupas mengenai kepentingan kajian. Pengkaji mencerangkan definisi istilah secara operasi dan konseptual dalam bahagian keenam. Bahagian yang terakhir pula menerangkan kesimpulan bab ini.

1.1 Latar belakang kajian

Era globalisasi di zaman modenisasi menjadikan Malaysia sebuah negara yang pesat membangun dari pelbagai aspek termasuklah pembangunan infrastruktur, teknologi dan pendidikan seiring dengan wawasan 2020. Kecanggihan teknologi di alam siber ini kadangkala menjadikan kita leka dengan masalah sosial yang semakin menular dalam masyarakat kita. Salah satunya adalah musuh nombor satu negara iaitu penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja.

Menurut Vega dan Gil (1998), perasaan ingin tahu yang mendalam merupakan salah satu penyumbang kepada penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja kerana pada peringkat ini, remaja mengalami pertumbuhan secara biologi, kematangan, penerokaan diri, dan proses penyesuaian diri dengan persekitaran luar. Remaja berasa tercabar untuk mencuba sesuatu yang baru, memahami dan menyesuaikan diri dalam dunia sosial di sekeliling mereka. Melalui kajian ini, faktor-faktor penyumbang kepada penglibatan remaja Melayu, Cina dan India dengan penyalahgunaan dadah pada usia yang masih muda akan dikaji.

Menurut Bettelheim (1950 dalam Abdul Ghafar 1988) antara tempoh kanak-kanak dan dewasa, para remaja mula mengubah tingkahlaku, sikap, dan nilai, malahan seluruh cara hidup daripada alam kanak-kanak kepada alam yang lebih matang dan dewasa. Ini menunjukkan bahawa remaja yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah mengalami proses peralihan dan menyebabkan mereka cenderung untuk bersikap agresif, menonjolkan diri dan kadangkala menentang norma tradisi masyarakat (Abdul Ghafar, 1988). Pada masa inilah mereka mudah terperangkap dengan golongan penagih yang sentiasa mencuba mendapatkan ahli-ahli baru untuk memenuhi hasrat pengedar dadah. Golongan remaja yang mengalami ketegangan akan mengambil pil-pil seperti barbiturat, ecstasy dan sebagainya. Pada mulanya, pil tersebut hanyalah percubaan sahaja tetapi lama-kelamaan ia akan menjadi tabiat.

Jadual 1.0: Jumlah penagih dadah yang dikesan mengikut etnik bagi bulan Januari hingga Julai 2008

Etnik	Bilangan	Peratus (%)
Melayu	5992	74.97
Cina	1008	12.61
India	779	9.75
Pribumi Sabah	127	1.59
Lain-lain	62	0.78
Pribumi Sarawak	13	0.16
Warga asing	11	1.14
Jumlah	7992	100

Sumber: Unit Sistem Maklumat Dadah Kebangsaan (NADI)

Menurut statistik penagihan dadah yang terbaru seperti dalam Jadual 1.0 yang menunjukkan jumlah penagih dadah yang dikesan mengikut etnik bagi bulan Januari hingga Julai 2008 di Malaysia yang dikeluarkan oleh Unit Sistem Maklumat Dadah Kebangsaan (NADI), kaum Melayu masih merupakan penagih teramai yang dikesan iaitu 5992 orang (74.97%), diikuti dengan kaum Cina sebanyak 1008 orang (12.61%), dan kaum India sebanyak 779 orang (9.75%).

Jadual 2.0 : Jenis dadah yang diambil oleh penagih dadah Melayu dan Cina

Etnik	Melayu (%)	Cina (%)
Heroin	39.84	46.82
Morfin	29.70	30.46
Ganja	16.47	-
Amphetamin	-	8.93

Sumber: Unit Sistem Maklumat Dadah Kebangsaan (NADI)

Jadual 2.0 menunjukkan penagih Melayu popular dengan 3 jenis pengambilan dadah iaitu heroin (39.84%), morfin (29.70%), dan ganja (16.47%), manakala penagih Cina pula, dadah jenis heroin (46.82%), morfin (30.46%) dan Amphetamine (8.93%).

Berdasarkan perangkaan tersebut, bagi tempoh tujuh bulan sepanjang 2008, golongan belia yang berumur antara 19 tahun hingga 39 tahun masih lagi merupakan majoriti tertinggi penagih dadah yang dikesan iaitu seramai 5,396 orang. Antara tiga faktor utama penagih tersebut mula terjebak dengan penyalahgunaan dadah adalah kerana pengaruh rakan (54.97%), untuk keseronokan (22.19%) dan perasaan ingin tahu (14.21%) sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual 3.0.

Jadual 3.0 : Faktor-faktor penagih terlibat dengan penyalahgunaan dadah pada bulan Januari hingga Julai 2008

Faktor-faktor penagih terlibat dengan penyalahgunaan dadah	Bilangan	Peratus (%)
Pengaruh rakan	4198	54.97
Untuk keseronokan	1607	22.19
Perasaan ingin tahu	1085	14.21
Tekanan jiwa	417	5.46
Rangsangan	79	1.03
Menahan sakit	48	0.63
Secara tidak sengaja	25	0.33
Lain-lain	90	1.18
Tiada maklumat	355	0.00
JUMLAH	7992	100

Sumber: Unit Sistem Maklumat Dadah Kebangsaan (NADI)

Justeru itu, kajian ini akan mengkaji faktor-faktor penyumbang remaja terlibat dengan penyalahgunaan dadah dalam tiga perspektif kaum yang terbesar di Malaysia iaitu kaum Melayu, Cina dan India.

1.2 Kenyataan masalah:

Kajian ini menumpukan kepada faktor-faktor penyumbang remaja kaum Melayu, Cina dan India terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Kajian-kajian lepas yang melibatkan peserta kajian iaitu penagih dadah yang berbilang kaum hanya dijalankan di negara barat sahaja. Flannery, Vazsonyi, Torquati dan Fridrich, (1994) telah mengkaji penglibatan remaja *Caucasian* dengan penyalahgunaan dadah. Dan mendapati bahawa faktor penyesuaian remaja di sekolah seperti pengaruh rakan sebaya merupakan faktor dominan yang menyumbang kepada penglibatan remaja *Caucasian* dengan penyalahgunaan dadah.

Kajian Bhattacharharya (2002) menyatakan bahawa faktor penyumbang kepada penglibatan remaja *Asian India* di *United States* dengan penyalahgunaan dadah ialah faktor sosiobudaya. Dalam kajian ini, keluarga merupakan elemen terpenting dalam etnik *Asian India*. Walaupun bilangan remaja *Asian Indian* di *United States* merupakan bilangan minoriti, tetapi stigma etnik *Asian Indian* yang melabelkan penyalahgunaan dadah adalah masalah moral yang mencemarkan maruah keluarga penagih tersebut seterusnya memberi kesan negatif kepada komuniti tersebut. Bilangan kajian yang mengkaji faktor penyalahgunaan dadah dalam konteks Malaysia terhadap kaum yang berbeza iaitu kaum Melayu, Cina dan India terlalu sedikit.

Kajian yang dilakukan oleh Rosiadi Tajudin, Mohd Faridzul Akmam Zulkifli, Sarizal Jamaluddin, Kemar Mohd Nor dan Muhamad Basthami Abdullah (2008), hanya melihat kepada faktor penyumbang kepada masalah penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja iaitu faktor ibu bapa, rakan sebaya, dan diri sendiri dengan menekankan aspek psikologi tanpa mengkaji mengikut kaum-kaum tertentu.

Menurut statistik penagihan dadah terbaru yang dikeluarkan oleh Unit Sistem Maklumat Dadah kebangsaan (NADI) dari bulan Januari hingga Julai 2008, menunjukkan bahawa kaum Melayu masih merupakan penagih teramai dikesan iaitu 5992 orang (74.97%), diikuti dengan kaum Cina sebanyak 1008 orang (12.61%), dan kaum India sebanyak 779 orang (9.75%).

Menurut Syed Othman Al- Habshi dan Ismail Ibrahim (2002 dalam Aswati Hamzah 2007), bangsa Melayu yang beragama Islam sering dilabel mendominasi masalah sosial seperti penyalahgunaan dadah, rogol, sumbang mahram walaupun mereka beragama dan berakhlik dan sepatutnya memiliki akhlak yang mulia.

Justeru itu, kajian ini akan mengupas faktor-faktor penyumbang penglibatan remaja untuk tiga perspektif kaum yang berbeza iaitu kaum Melayu, Cina dan India terlibat dengan penyalahgunaan dadah dengan lebih mendalam dan terperinci melalui kajian kualitatif.

1.3 Objektif kajian

1.3.1 Umum:

Untuk mengkaji faktor-faktor penyumbang remaja Melayu, Cina dan India terlibat dengan penyalahgunaan dadah.

1.4 Persoalan Kajian

Apakah faktor-faktor penyumbang remaja kaum Melayu, Cina dan India terlibat dengan penyalahgunaan dadah?

1.5 Kepentingan kajian

Kajian ini akan mengkaji faktor-faktor penyumbang remaja Melayu, Cina dan India terlibat dengan penyalahgunaan dadah di Malaysia. Pengkaji berharap kajian ini dapat membantu pihak kerajaan khususnya Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), kaunselor pemulihan, pihak ibu bapa, dan masyarakat dalam mengenalpasti faktor -

faktor penyumbang remaja terlibat dengan penyalahgunaan dadah terhadap kaum yang berbeza iaitu kaum Melayu, Cina dan India di Malaysia, seterusnya dapat mengambil tindakan yang sewajarnya.

Bagi pihak Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), kajian ini diharapkan dapat membantu pihak Agensi Dadah Kebangsaan (AADK) mengenalpasti faktor-faktor penyumbang kepada peningkatan jumlah penagih dadah di Malaysia khususnya kaum majoriti yang dikesan menunjukkan bilangan yang terbanyak iaitu kaum Melayu diikuti dengan kaum Cina dan India. Ini sekaligus dapat membantu merealisasikan program Kementerian Pengajian Tinggi (KPM) iaitu Program Sifar Dadah Sekolah Rendah (PROSIDAR) pada tahun 2008 yang dilaksanakan di setiap daerah dan sekolah di Malaysia.

Kajian ini juga diharapkan dapat memberi maklumat dan pengetahuan kepada kaunselor pemulihan dalam membantu kaunselor tersebut menggunakan pendekatan atau teori kaunseling yang sesuai dalam membantu remaja Melayu, Cina dan India terlibat dengan penyalahgunaan dadah.

Bagi pihak ibu bapa pula, kajian ini dapat membantu mereka memahami dan peka akan keperluan dan kehendak anak-anak remaja mereka supaya mereka lebih bertanggungjawab dengan mengawasi dan memberikan tumpuan yang sepenuhnya kepada anak-anak remaja bagi mengelakkan mereka terjebak dengan masalah-masalah sosial khususnya penyalahgunaan dadah.

Seterusnya, pengkaji berharap kajian ini dapat memberikan masyarakat kita informasi dan kesedaran mengenai faktor-faktor penglibatan generasi muda dengan penyalahgunaan dadah memandangkan masyarakat kita merupakan masyarakat majmuk yang berbilang kaum dan agama yang prihatin dengan gejala sosial yang semakin membimbangkan.

1.6 Definisi Istilah

1.6.1 Remaja

Konseptual:

Pertumbuhan antara masa kanak-kanak dengan masa dewasa yang pada umumnya bermula pada usia 12 tahun atau 13 tahun dan berakhir pada usia awal dua puluhan (DeBrun, 1990 dalam Rosiadi Tajudin et al., 2008). Perkataan remaja ataupun *adolescence* berasal dari perkataan Latin iaitu *adolscere* yang bermaksud “membesar” atau “membesar dengan matang” (Rogers, 1981 dalam Rosiadi Tajudin et al., 2008).

Operasi

Dalam kajian ini, remaja didefinisikan sebagai golongan penagih dadah Melayu, Cina dan India yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah pada usia remaja iaitu dari umur 18 tahun hingga 24 tahun.

1.6.2 Kaum

Konseptual

Kelompok manusia yang mempunyai persamaan ciri-ciri fizikal seperti warna kulit dan bentuk tubuh badan (Mansur Mohd Noor, Abdul Rahman Abdul Aziz dan Mohamad Ainudin Iskandar Lee, 2006). Kaum dikategorikan sebagai persamaan ciri-ciri biologikal terutamanya warna kulit dan jenis darah (Corsini, 1999 dalam Santrock, 2008). Kaum merujuk kepada perbezaan luaran individu dan antara ciri-cirinya termasuklah bahasa, warna kulit, agama dan kewarganegaraan (Gaines 1994, Taylor 1988 dalam Loue 2003).

Operasi

Dalam kajian ini, kaum merujuk kepada golongan penagih dadah yang berbeza kaum iaitu kaum Melayu, Cina dan India yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah.

1.6.3 Penyalahgunaan Dadah

Konseptual

Penggunaan dadah dengan tujuan yang salah terutamanya jika penggunaannya menjejaskan urat saraf (Abdul Ghafar, 1988). Menurut Weil (1972, dalam Griffiths dan Pearson 1988), penyalahgunaan dadah merujuk kepada pengambilan dadah dengan cara yang salah yang boleh mengubah keadaan sedar individu yang bertentangan dengan norma masyarakat.

Operasi

Dalam kajian ini penyalahgunaan dadah bermaksud pengambilan dos atau kuantiti dadah yang berbahaya kepada kesihatan, dan memudaratkan seseorang tanpa kebenaran daripada Kementerian Kesihatan Malaysia.

1.6.4 Dadah

Konseptual

Bahan kimia sama ada asli atau tiruan yang apabila disuntik, dihidu, dihisap atau dimakan boleh mengubah fungsi tubuh badan, perasaan atau kelakuan seseorang (Abdul Ghafar, 1988). Menurut White (1991), dadah merupakan istilah khas sejenis bahan yang mendatangkan kemudaratkan kepada kesihatan seseorang dari segi jasmani (fizikal) dan rohani (mental dan emosi). Antara jenis dadah yang dikenali umum ialah heroin, morfin, dan ganja.

Operasi

Dalam kajian ini, dadah merujuk kepada pil-pil atau bahan kimia yang diambil oleh remaja yang memberi kesan berbahaya kepada kesihatan remaja tersebut sehingga mengakibatkan ketagihan.

1.7 Kesimpulan

Dalam bahagian ini, diterangkan secara terperinci mengenai latar belakang kajian, kenyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, definisi istilah operasi dan konseptual serta limitasi kajian. Daripada perkara-perkara yang dibincangkan ini, ia dapat memberikan gambaran yang lebih jelas berkenaan kajian yang akan dijalankan. Seterusnya, sorotan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan kajian ini serta pendekatan teori dan model akan dibincangkan dengan lebih mendalam dalam bab seterusnya iaitu bab 2.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN LEPAS

2.0 Pengenalan

Bab ini mengandungi tujuh bahagian. Bahagian pertama menerangkan sorotan kajian lepas mengenai faktor-faktor penyumbang remaja terlibat dengan penyalahgunaan dadah dalam aspek keluarga, seterusnya bahagian kedua menerangkan faktor-faktor remaja terlibat dengan penyalahgunaan dadah dalam aspek rakan sebaya. Bahagian ketiga pula akan membincangkan faktor remaja terlibat dengan penyalahgunaan dadah dalam aspek persekitaran iaitu persekitaran sekolah dan jiran. Bahagian keempat akan mengupas dengan lebih lanjut faktor diri sendiri yang mendorong remaja terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Bahagian seterusnya akan membincangkan dengan terperinci mengenai pendekatan teori dan model yang dapat dijadikan panduan dan membantu pengkaji dalam menjalankan kajian. Bahagian terakhir pula akan menerangkan kesimpulan bagi bab ini.